



FWD Family First

Perlindungan takaful yang
sentiasa di sisi keluarga anda

Get ready to live
fwd.com.my | 1 300 13 7988

FWD
takaful

Pelan takaful yang berbeza

Satu pelan untuk seisi keluarga!

FWD Family First

Kehidupan kini berubah dengan pantas

Hari ini, kita tidak lagi membuat bayaran dengan wang tunai, menaiki kenderaan dengan orang yang tidak dikenali bukanlah sesuatu yang pelik dan kita lebih banyak meluangkan masa dengan telefon mudah alih daripada berinteraksi sesama sendiri.

Tetapi perubahan bukanlah sesuatu yang asing bagi anda. Sedar tak sedar, keluarga anda semakin berkembang. Semalam anda berdua, kini berempat.

Seiring dengan perjalanan hidup keluarga anda, kami faham keutamaan anda adalah untuk menjaga dan melindungi mereka.

Hal ini boleh memberi tekanan, jika anda bergantung kepada pelan takaful yang tidak mampu mengikuti perubahan hidup anda.

Kerana itu kami mencipta FWD Family First.

Pelan takaful pertama di Malaysia yang memberikan perlindungan penyakit kritikal untuk seisi keluarga.

Kini, anda tidak perlu lagi membayar dan mengurus pelan bagi setiap individu untuk setiap ahli keluarga.

Ia fleksibel seiring dengan perubahan dalam keluarga anda dan boleh disesuaikan untuk memastikan setiap ahli keluarga sentiasa dilindungi.



Perjalanan keluarga anda merentasi masa

Anda tidak pasti tentang perlindungan Penyakit Kritikal (CI)?

Berikut soalan-soalan lazim untuk pemahaman anda.



Apakah itu CI dan mengapa saya perlukannya?

Sekiranya anda diserang penyakit atau mengalami kecederaan yang serius, anda mungkin menghadapi masalah kewangan untuk membayar kos perubatan dan juga hilang pendapatan kerana terpaksa mengambil cuti. Perlindungan CI membantu anda dengan menyediakan bayaran sekali gus sekiranya anda dilindungi daripada kemalangan atau penyakit yang serius, supaya anda boleh memberi tumpuan kepada rawatan pemulihan.



Berapakah jumlah dilindungi yang saya perlukan?

Ia bergantung kepada:

- Jumlah yang anda perlukan untuk menampung keluarga sekiranya anda hilang pendapatan
- Saiz pinjaman anda dan lain-lain
- Liabiliti kewangan anda
- Jumlah yang anda ingin sumbangkan secara berkala



Adakah Pelan CI juga melindungi sebarang ketidakupayaan yang serius?

Ya, terdapat beberapa ketidakupayaan yang dilindungi, seperti kebutaan, menjadi bisu, pekak dan kehilangan upaya untuk berdikari.



Apakah perbezaan di antara perlindungan CI dan perlindungan Perubatan?

Perlindungan perubatan akan membayar kos perubatan langsung anda, tetapi mungkin terdapat had bagi jumlah yang dibayar, serta tiada jaminan untuk pembaharuan pelan anda bagi tahun berikutnya. Jikalau ada pun, anda perlu membayar sumbangan yang lebih tinggi. Kesannya, anda mungkin menanggung perbelanjaan yang tidak dijangka terutamanya untuk rawatan perubatan jangka panjang yang diperlukan.

Sebaliknya, perlindungan CI memberikan anda dana tambahan secara sekali gus, supaya anda boleh menangani kos yang tidak dijangka mengikut keperluan anda, seperti:



Untuk membayar perkhidmatan perubatan yang mungkin tidak tersedia, atau untuk rawatan yang tidak dilindungi oleh perlindungan perubatan anda.



Untuk kos sara hidup harian, membolehkan pesakit menumpukan masa dan tenaga mereka untuk pulih tanpa perlu bimbang tentang bil yang perlu dibayar.



Untuk menampung perbelanjaan bagi pengubahsuaian rumah untuk pesakit yang pergerakannya terjejas, kos pengangkutan (contohnya pergi dan pulang dari pusat perubatan) dan kos penjagaan jangka panjang.



Untuk memperoleh teknologi perubatan alternatif di luar negara termasuk mendapatkan pendapat perubatan kedua yang boleh meningkatkan peluang anda untuk pulih.

Bagaimana pelan ini berfungsi

FWD Family First adalah pelan takaful sumbangan berkala yang menawarkan perlindungan penyakit kritikal untuk seisi keluarga. Perlindungan untuk pelan ini boleh disesuaikan dengan perubahan yang berlaku dalam keluarga anda dari semasa ke semasa. Berikut adalah ilustrasi yang menghuraikan bagaimana pelan ini berfungsi:



Siti dan Ali adalah pasangan baru berkahwin yang menyertai FWD Family First dengan jumlah dilindungi RM100,000.



6 bulan selepas itu, Siti mendapati terdapat ketumbuhan benigna dalam serviks yang menghalangnya daripada hamil. Pelan FWD Family First membayar RM25,000 yang digunakan untuk rawatan beliau.



Setahun kemudian, beliau hamil. Setelah Adam lahir, Ali menambah bayaran untuk mengemaskini pelan FWD Family First mereka bagi memasukkan anak yang baru lahir.



Pada usia 3 tahun, Adam mendapat jangkitan yang menyebabkannya hilang pendengaran. Pelan FWD Family First mereka membayar RM25,000; wang ini digunakan untuk membawa Adam ke luar negara bagi mendapatkan rawatan daripada pakar yang terkenal dalam rawatan kehilangan pendengaran.



Siti hamil lagi! Tetapi malangnya dia diserang penyakit paru-paru kronik. Pelan FWD Family First membayar RM25,000 yang digunakannya untuk pembedahan. Syukur, dia pulih sepenuhnya dan mampu meneruskan kandungannya.



Maka lahirlah Zara. Beberapa bulan kemudian, Ali membuat bayaran tambahan untuk mengemaskini pelan FWD Family First mereka bagi memasukkan Zara yang baru lahir.



Siti dan Ali memutuskan bahawa sudah tiba masanya untuk Adam mempunyai seorang adik.



Adam pulih sepenuhnya dan Siti dan Ali meneruskan kehidupan dengan gembira bersama anak mereka yang sihat.



Kelahiran Zana mencerikan lagi keluarga ini. Siti dan Ali merasakan keluarga mereka telah lengkap. Ali membuat bayaran tambahan untuk mengemaskini pelan FWD Family First mereka bagi memasukkan anak bongsu mereka.



Malang tidak berbau - Ali terlibat dalam kemalangan jalan raya dan meninggal dunia. Pelan FWD Family First mereka membayar RM100,000 yang mereka simpan untuk menampung kos yang tidak dijangka pada masa hadapan.



Siti dan anak-anaknya berhadapan realiti baru dan meneruskan kehidupan mereka dengan penuh semangat. Mereka masih menikmati perlindungan sebanyak RM75,000 daripada FWD Family First tanpa perlu lagi membayar sumbangan.

Manfaat anda secara ringkas



Had Lindungan Keluarga Anda

Sijil anda menyediakan perlindungan keseluruhan untuk keluarga anda bersamaan dengan

250%
daripada jumlah dilindungi.

Jumlah maksimum tuntutan yang boleh dibuat

FWD Family First melindungi beberapa keadaan penyakit kritikal utama dan ringan untuk keluarga dan menyediakan manfaat kematian terutama untuk ibu bapa. Manfaat dibayar melalui Dana Risiko Peserta (DRP) tertakluk kepada jumlah baki had lindungan keluarga. Di samping itu, sumbangan masa hadapan akan dikecualikan sekiranya salah seorang ibu bapa meninggal dunia.



36 penyakit kritikal utama

1x
100%
daripada jumlah dilindungi akan dibayar



20 penyakit kritikal kecil

2x
25%
daripada jumlah dilindungi akan dibayar



manfaat kematian jika salah seorang ibu bapa meninggal dunia

100%
daripada jumlah dilindungi akan dibayar



manfaat pengecualian sumbangan jika salah seorang ibu bapa meninggal dunia

caruman berkala di masa hadapan dikecualikan

Nota: Kami membayar RM25,000 atau 10% daripada jumlah dilindungi (yang mana lebih rendah) untuk angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari.



Apa dan siapa yang dilindungi di bawah manfaat kematian

Kami akan membayar amaun paling rendah dari yang berikut:

- 100% daripada jumlah dilindungi; atau
- baki jumlah had lindungan keluarga.

Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi jika salah seorang daripada ibu bapa yang dilindungi meninggal dunia semasa dilindungi oleh sijil anda.




Situasi di mana sumbangan masa hadapan dikecualikan


Kami akan mengecualikan semua sumbangan yang perlu dibayar dari tarikh kematian salah seorang daripada ibu bapa yang dilindungi. Kami akan mengecualikan secara automatik sumbangan masa hadapan apabila kami membayar manfaat kematian. Kami tidak akan membayar sebarang jumlah wang tunai di bawah manfaat ini.

Adakah pelan ini sesuai untuk anda


Jika anda menjawab ya kepada sekurang-kurangnya dua daripada senario yang dinyatakan di bawah, maka pelan ini sesuai untuk anda.



Kewangan anda akan terjejas teruk akibat kehilangan pendapatan yang berpanjangan.



Anda inginkan satu (1) pelan untuk seisi keluarga yang kosnya kurang daripada beberapa pelan individu.



Anda dan keluarga anda belum lagi memiliki sebarang perlindungan penyakit kritikal.



Maklumat penting



Keadaan Penyakit Kritikal Utama di bawah Pelan ini

1. Serangan jantung
2. Penyakit Alzheimer atau demensia yang teruk
3. Meningitis bakteria
4. Tumor otak benigna
5. Kebutaan
6. Pembedahan otak
7. Kanser
8. Kardiomiopati
9. Anemia aplastik kronik
10. Koma
11. Pembedahan pintasan arteri koronari
12. Pekak
13. Ensefalitis
14. Kegagalan hati peringkat akhir
15. Penyakit paru-paru peringkat akhir
16. AIDS penuh
17. Virus hepatitis fulminan
18. Pembedahan injap jantung
19. Jangkitan HIV akibat pemindahan darah
20. Kegagalan buah pinggang
21. Kehilangan upaya untuk berdikari
22. Menjadi bisu
23. Kecederaan kepala teruk
24. Pemindahan organ utama atau sumsum tulang
25. Penyakit neuron motor
26. Sklerosis berbilang
27. Distrofi otot (lebih daripada umur 11 sahaja)
28. Lumpuh anggota badan
29. Penyakit parkinson
30. Hipertensi arteri primer pulmonari
31. Penyakit arteri koronari serius
32. Strok
33. Pembedahan aorta
34. Sistemik Lupus Erythematosus dengan komplikasi buah pinggang yang teruk
35. Penyakit terminal
36. Lecur tahap tiga



Keadaan Penyakit Kritikal Ringan di bawah Pelan ini

1. Serangan jantung
2. Tumor otak benigna
3. Kebutaan
4. Kanser dan karsinoma-in-situ
5. Koma
6. Lain-lain penyakit arteri koronari serius
7. Hilang pendengaran atau pekak
8. Penyakit hati kronik
9. Penyakit paru-paru kronik
10. Pembedahan injap jantung
11. Kegagalan buah pinggang
12. Kecederaan kepala utama
13. Pemindahan organ utama
14. Lumpuh atau paraplegia
15. Penyakit parkinson
16. Hipertensi arteri sekunder pulmonari
17. Strok
18. Pembedahan aorta
19. Luka bakar teruk
20. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari

Bila kami tidak akan membayar sebarang manfaat

Di FWD, kami tidak percaya dengan senarai klausa yang panjang lagi tersembunyi yang menghalang kami daripada membayar manfaat kepada anda sekiranya berlaku penyakit kritikal. Jadi kami telah meringkaskan senarai pengecualian kami kepada hanya 3 kriteria:

Bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan yang dibuat berlaku:

- akibat daripada bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan atas diri sendiri oleh orang dilindungi;
- dan dalam masa satu tahun permulaan sijil anda, atau tarikh kami menguatkuasakan semula sijil anda.

Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang dilindungi. Jika perkara di atas terjadi, sijil akan terus berkuatkuasa dan manfaat pengecualian sumbangan tidak akan berlaku.

Tindakan menyalahi undang-undang

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan timbul kerana anda atau orang dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk bertindak yang menyalahi undang-undang.

Perang

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah sijil ini jika tuntutan itu adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa kejadian yang serupa.

Maklumat penting (sambungan)

Kami memastikan bahawa Pelan anda adalah patuh Syariah

1. Kami menguruskan sumbangan anda dan operasi takaful kami berdasarkan kontrak Syariah wakalah, dan dipantau oleh jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah satu skim saling bantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana anda dan peserta lain bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan jika salah seorang daripada anda mengalami kehilangan tertentu.

2. Sumbangan yang anda bayar untuk perlindungan di bawah sijil anda adalah tertakluk kepada yuran wakalah.



Wakalah adalah perlantikan oleh satu pihak kepada yang lain untuk bertindak bagi pihaknya.

3. Kami membayar sumbangan anda, ditolak yuran wakalah, ke dalam PRF kami sebagai tabarru'. Dana di dalam PRF akan digunakan untuk membayar manfaat kepada pihak menuntut yang berhak mendapat manfaat berdasarkan:

- perpaduan persaudaraan dan tolong-menolong di kalangan peserta; dan
- tertakluk kepada semua terma dan syarat dalam sijil ini.



Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful.

Jika nilai PRF tidak mencukupi untuk membayar tuntutan, maka kami akan membayar Qard yang merupakan pinjaman tanpa faedah kepada PRF. Sekiranya PRF menunjukkan prestasi yang baik, kami akan menerima ganjaran 50% daripada lebih sebagai Ju'alah dan baki 50% akan diagihkan kepada peserta.

Jika anda berubah fikiran

Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda, dan anda belum membuat tuntutan di bawahnya, anda mempunyai 15 hari dari tarikh penerimaan sijil anda untuk membatalkannya dan menerima kembali sumbangan anda, ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada).

Kelayakan untuk penyertaan begitu mudah

Semua keluarga yang mempunyai anak atau tidak

Orang utama	Umur yang melayakkan anda memohon untuk perlindungan	Umur perlindungan tamat
Pemilik sijil	Mesti berumur antara 17 hingga 60 tahun.	Pada umur 75 tahun.
Pasangan anda	Mesti berumur antara 17 hingga 60 tahun.	Pada umur 75 tahun.
Anakanda	Mesti berumur antara 1 bulan hingga 20 tahun.	Pada umur 25 tahun.

Nota: Umur merujuk umur hari lahir seterusnya.

Maklumat penting (sambungan)

Berapakah jumlah sumbangan anda

Sumbangan anda bergantung kepada kriteria berikut:

Umur	Status perokok	Jantina	Terma perlindungan
Status kesihatan	Pekerjaan	Jumlah dilindungi	Kekerapan bayaran

Sebagai petunjuk pasangan tidak merokok berusia 24 tahun akan menyumbang RM147 setiap bulan untuk jumlah dilindungi RM100,000 untuk 50 tahun.

Berapakah caj wakalah


Tahun sijil	1	2-3	4	5-10	10+
*Wakalah %	70%	55%	40%	25%	10%

*Caj ini adalah berdasarkan sijil dengan tempoh 20 tahun dan lebih. Untuk sijil jangka pendek caj yang lebih rendah akan dikenakan.

Nota Penting

- 1 – Risalah ini tidak membentuk kontrak antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma dan syarat lengkap dinyatakan dalam dokumen sijil.
- 2 – Anda layak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).
- 3 – Jika anda menghentikan bayaran sumbangan anda, sijil anda akan luput selepas tempoh tangguh 60 hari.
- 4 – Di bawah pelan ini, tiada manfaat akan dibayar selepas penamatan atau pada tarikh matang, jadi anda perlu memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
- 5 – Sijil FWD Family First bukanlah produk simpanan atau pelaburan. Anda tidak akan menerima apa-apa wang dari sijil ini selain dari manfaat penyakit kritikal dan kematian.
- 6 – Untuk maklumat lanjut mengenai yuran, caj dan butiran produk lain, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk dan Ilustrasi Manfaat yang dikeluarkan oleh ejen kami.

Untuk maklumat lanjut, hubungi kami:



Tentang kami

Ditubuhkan pada tahun 2013, FWD ialah cabang perniagaan insurans kumpulan pelaburan, Pacific Century Group. Hari ini, FWD merentasi sembilan pasaran di Asia dan salah satu syarikat insurans yang paling pesat berkembang di rantau ini.

FWD memberi tumpuan dalam mewujudkan pengalaman pelanggan baru dengan produk-produk yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital.

Melalui pendekatan berteraskan pelanggan, FWD berhasrat untuk menjadi syarikat insurans pan-Asia terkemuka yang mengubah perspektif pelanggan terhadap insurans.

FWD Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



FWD Takaful Berhad, No. Pendaftaran 200601011780 (731530-M)
Tingkat 29 Menara Shell, 211 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur Malaysia

fwd.com.my | 1 300 13 7988

Semua maklumat adalah tepat semasa cetakan pada Mac 2019



Get ready to live